

Perdana Menteri ketuai laungan 'merdeka'

BH 31 AUG 2002

Oleh Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kehadiran ulang tahun ke-45 kemerdekaan Malaysia tengah malam tadi, disambut sorakan merdeka sebanyak tujuh kali dengan diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran Merdeka.

Beratus ribu rakyat Malaysia pelbagai lapisan dan kaum di seluruh negara berkumpul di ibu negeri masing-masing bersama pemimpin mereka untuk menyambut kehadiran detik 12 tengah malam dalam suasana penuh meriah dan warna-warni.

Di Dataran Merdeka, Perdana Menteri dan isteri menyertai berpuluh ribu warga kota memeriahkan sambutan penuh semangat Ambang Merdeka 2002.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang tiba kira-kira jam 11.20 malam disambut Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir. Hadir sama beberapa menteri Kabinet serta orang kenamaan lain.

Sejurus detik pertama jam 12 tengah malam, Perdana Menteri melaungkan "Merdeka" seba-

nyak tujuh kali bersama kira-kira 100,000 rakyat pelbagai kaum yang membanjiri Dataran Merdeka, yang dilimpahi sinaran lampu berwarna-warni.

Gema laungan "Merdeka" mengembalikan semangat kebangsaan padu yang dilaungkan Tunku Abdul Rahman, pada detik 12 tengah malam 31 Ogos 1957.

Jalur Gemilang dikibarkan serentak dengan laungan "Merdeka" itu, diikuti nyanyian lagu Negeraku, Jalur Gemilang dan Keranamu Malaysia dengan penuh semangat diikuti ledakan bunga api selama 10 minit.

Terdahulu, Dr Mahathir menerbitkan deklarasi kemerdekaan yang ditandatangani semua Menteri Besar dan Ketua Menteri.

Bahang sambutan kemerdekaan dapat dirasakan seawal jam 5 petang apabila orang ramai termasuk pelancong asing berpusu-pusu membanjiri Dataran Merdeka. Pada masa sama nombor cabutan bertuah yang menawarkan skuter pertama buatan Malaysia, Comel, sebagai hadiah utama diagihkan kepada hadirin.

Hadirin dihiburkan dengan pelbagai persembahan kebuda-

yaan termasuk oleh artis terkenal.

Selain Dataran Merdeka, sambutan turut diadakan Bintang Walk dan Taman Kuala Lumpur City Centre (KLCC) yang dimeeriahkan dengan persembahan artis tempatan dan tarian tradisional. Di Taman KLCC sambutan Ambang Merdeka 2002 diketuai Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sambutan Ambang Merdeka 2002 turut diadakan serentak di seluruh negara dengan diketuai Menteri Besar dan Ketua Menteri masing-masing.